

19 AUG 1999

Mahathir-Hubungan

MAHATHIR CADANG HUBUNGAN M'SIA-CHINA BERSIFAT LEBIH LUAS

Oleh: Ali Mamat

BEIJING, 19 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mencadangkan supaya hubungan rapat Malaysia-China yang dinaikkan ke taraf "perkongsian" bersifat lebih luas supaya membabitkan rantau ini.

Perdana Menteri berkata, seperti mana Malaysia dan China mengambil langkah berani 25 tahun lalu (dengan menjalin hubungan diplomatik) untuk menukarkan senario antara China dan Asia Tenggara, perkongsian itu hendaklah menjurus ke arah usaha atau percubaan yang mencatatkan era baru bagi rantau berkenaan.

"Krisis kewangan dan ekonomi yang melanda Asia sejak dua tahun lalu menunjukkan bahawa cabaran besar menanti China dan Malaysia serta negara-negara lain di rantau itu pada abad ke-21," kata beliau.

Dr Mahathir berkata demikian semasa menyampaikan ucapan utama bertajuk "Malaysia and China Relations: challenges and opportunities in the 21st Century" pada Forum Malaysia-China Ketiga, di sini.

Berikutan krisis kewangan dan ekonomi yang melanda Asia, Dr Mahathir menarik perhatian tentang perlunya Malaysia dan China bekerjasama dengan juga bekerjasama dengan negara jiran bagi memastikan pemulihan ekonomi yang mantap bagi Asia Timur.

Beliau berkata sejak pemupukan hubungan diplomatik antara kedua-dua negara pada 1974, banyak perubahan dialami oleh China dan Malaysia serta rantau Asia Tenggara.

"Sejak itu, hubungan China dengan Malaysia dan ASEAN jauh berbeza berbanding dengan keadaan sebelum 1974. Langkah berani oleh kedua-dua negara telah membuka jalan bagi hala tuju baru untuk hubungan China-Asia Tenggara pada suku terakhir abad ini," kata beliau.

Mengenai hubungan Malaysia-China, Dr Mahathir berkata, pelbagai perjanjian perdagangan dan pelaburan yang ditandatangani telah membantu menggerakkan ke hadapan ikatan ekonomi kedua-dua negara.

"Sistem politik dan sosial yang berbeza antara kedua-dua negara tidak menjadi halangan bagi hubungan," kata beliau.

Beliau berkata tanda yang jelas bahawa hubungan antara kedua-dua negara semakin rapat ialah antara rakyat dengan rakyat.

Sebelum abad ini, tidak ramai rakyat China melawat Malaysia.

Bagaimanapun, menjelang tahun 1996, angka itu mencecah 135,743 dan meningkat kepada 158,679 pada tahun berikut.

"Begitu juga, jika dahulu hanya beberapa ribu permohonan visa oleh rakyat Malaysia untuk melawat China, jumlahnya meningkat kepada 205,000 pada 1996 dan 239,000 pada 1997," kata beliau.

Perdana Menteri secara berseloroh berkata beliau berasa seperti berada di negara sendiri apabila berada di China kerana tidak perlu mengubah waktu pada jamnya dan keadaan ini berbeza apabila melawat ke negara lain di dunia termasuk Indonesia atau Thailand.

Walaupun kedua-dua negara terletak pada jarak yang jauh, China dan Malaysia terletak di zon waktu yang sama.

-- BERNAMA

AM FAZ